

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : [s.l]
Tarikh : 4 JULAI 2003
Tajuk : TAKLIMAT BERTAJUK "DASAR LUAR MALAYSIA DAN ISU-ISU ANTARABANGSA" KEPADA MAJLIS WANITA KEDAH

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.a. kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama di perjumpaan pada hari ini yang saya harapkan dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir.

2. Saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada Majlis Wanita Kedah kerana undangan untuk bersama-sama hadir di majlis yang amat bererti ini dan memberi peluang kepada saya untuk memberi taklimat bertajuk, "Dasar Luar Malaysia dan Isu-Isu Antarabangsa." Memandangkan skop tajuk ini begitu luas, saya berpendapat adalah wajar bagi saya memulakan taklimat ini dengan memberi sedikit latar belakang mengenai dasar luar negara kita. Ini akan diikuti dengan perbincangan isu-isu semasa yang berkepentingan kepada negara.

Dasar Luar Negara

3. Saya berani menyatakan bahawa amalan dasar luar negara kita setelah lebih 45 tahun merdeka telah banyak memberi manfaat kepada negara. Dasar luar yang pragmatik dan berlandaskan keperluan serta kepentingan negara telah menghasilkan sebuah negara Malaysia yang pesat membangun, dihormati serta disegani dunia luar. Hari ini, kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia. Kita bebas dan bermaruah. Kita tidak rasa tersisih ataupun diketepikan oleh masyarakat dunia. Suara kita terus terdengar di persada antarabangsa. Sebenarnya, kesemua negara di dunia mempraktikkan premis kepentingan dan keperluan nasional dalam penggubalan dasar mahupun perihal hubungannya dengan negara lain. Bagi Malaysia, amat penting agar usaha serta langkah yang diambil berpandukan objektif menjamin keselamatan dan kemakmuran negara dan juga menentukan keamanan di rantau Asia Tenggara terus berkekalan.

4. Tanpa dasar luar yang mantap, Malaysia mungkin telah lama hanyut, hidup mengikut telunjuk kuasa-kuasa besar. Sehubungan itu, penting bagi penggubalan dasar luar negara mencerminkan keadaan serta keperluan dalaman negara. Secara ringkas, objektif-objektif dasar luar negara antara lain, adalah: untuk menjaga, mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa; menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan Malaysia; mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah melalui dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain; menangani perkembangan dan cabaran politik, ekonomi, keselamatan dan sosial di peringkat antarabangsa; mempertahankan dan memajukan hak, kepentingan dan aspirasi Malaysia dalam semua bidang; memupuk hubungan baik serta

meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain; mempertahankan pendirian serta kepentingan negara-negara membangun di peringkat antarabangsa.

5. Secara amnya, objektif-objektif dasar luar ini bertujuan untuk memastikan yang rakyatnya hidup di dalam sebuah negara yang maju, aman serta makmur. Dunia masa kini tidak lagi membolehkan mana-mana negara wujud terasing dan bersendirian. Dunia globalisasi memaksa kita menerima hakikat bahawa kita merupakan sebahagian daripada rantau dan dunia yang luas. Kita sendiri sedar di mana sesuatu yang berlaku di negara yang jauh di sebelah sana dunia masih boleh mengganggu gugat kesejahteraan kita baik dari segi politik atau ekonomi. Justeru, amat malang sekiranya kita membiarkan hala tuju negara ditetapkan oleh pihak asing. Kita harus berupaya menangani isu-isu yang timbul dan meminimalkan pendedahan kepada ketidakstabilan dan ketidakpastian dunia. Di dalam hal ini, dasar luar negara yang pro-aktif dan bervisi adalah mustahak untuk menjamin kepentingan dan kedaulatan negara.

Evolusi Dasar Luar Negara

6. Jelas dalam 45 tahun kebelakangan ini, dasar luar negara kita telah melalui proses evolusi yang dinamik yang mempamerkan keadaan dan keperluan semasa, juga corak pemerintahan Perdana Menteri pada masa itu.

7. Di bawah Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Kerajaan mengamalkan dasar luar yang pro-Barat, anti-komunis, anti-Israel, dan anti-apartheid. Tahun-tahun awal kemerdekaan juga menyaksi negara menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Five Power Defence Arrangements (FPDA) dan Komanwel. Malaysia juga merupakan salah sebuah negara pengasas Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 dan kemudiannya ASEAN pada tahun 1967.

8. Di bawah Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, Malaysia mula memberi penekanan kepada dasar non-aligned dan telah menjadi ahli Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada tahun 1970. Malaysia juga mengamalkan sikap terbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira kefahaman dan ideologi. Hubungan diplomatik dijalinan dengan China dan negara-negara Indochina di samping meningkatkan kerjasama ASEAN. Pada masa yang sama, Malaysia memberi penekanan kepada konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan South East Asia Nuclear Weapon Free Zone (SEANWFZ).

9. Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, pula memberi penekanan kepada urusan serantau. Di bawah Tun Hussein, Malaysia telah meneruskan kerjasama ASEAN dan ZOPFAN, dan hubungan dua hala di kalangan negara-negara rantau ini dipertingkatkan.

10. Selama 22 tahun di bawah pucuk pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pula, Malaysia bersikap pragmatik dan mula mengambil kira faktor-faktor yang

mempengaruhi iklim politik, keselamatan serta pembangunan sosial dan ekonomi yang memanfaatkan Malaysia. Kerjasama dalam konteks ASEAN, Kerjasama Selatan-Selatan (LID, SAID), NAM, Komanwel, OIC, D8 dan G15 terus dipertingkatkan dan Malaysia juga mula memainkan peranan yang lebih aktif dalam PBB. Sebagai contoh, sejak tahun 1981, Malaysia telah dua kali mengambil tempat di Majlis Keselamatan (MK) PBB, iaitu pada tahun 1988-1989 dan 1999-2000. Tahun 1996 pula menyaksikan Tan Sri Razali Ismail, Wakil Tetap Malaysia ke PBB, dilantik sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB Sesi ke-51 dan sekarang ini memainkan peranan sebagai Utusan Khas PBB ke Myanmar. Tuan-tuan pasti bersetuju bahawa secara amnya, Malaysia lebih berkeyakinan dan berani menyatakan pendapat serta kedudukannya di arena antarabangsa mengenai pelbagai isu semasa dunia. Bukan sahaja kepentingan negara kita sahaja yang diketengahkan, pendirian dan kepentingan negara-negara membangun dari Selatan dalam menangani isu-isu seperti demokrasi, hak asasi manusia dan alam sekitar juga diketengahkan.

11. Jika ada persoalan yang dibangkitkan dari banyak pihak dewasa ini adalah sama ada persaraan Dr. Mahathir pada bulan Oktober tahun ini akan melahirkan satu era baru yang akan membawa perubahan yang ketara dalam dasar luar kita. Namun, kita telah mendengar sendiri dari YAB Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau tidak berhasrat untuk merobak dasar yang telah terbukti keberkesanannya dan mahu terus mengekalkan, secara amnya, dasar yang sedia ada. Walau bagaimana pun, kita juga akur bahawa setiap pemimpin berhak menggubal dasar yang sedia ada menurut keperluan dan kepentingan semasa.

12. Justeru, dari perspektif kepentingan negara, jelas bahawa Malaysia telah dari merdeka lagi menyedari akan betapa pentingnya negara memainkan peranan yang pro-aktif di arena antarabangsa. Malaysia kini tidak lagi segan atau khuatir untuk menyuarakan pemikirannya kepada dunia luar. Bahkan, kita menanam semangat dan bertekad untuk memaju serta mempertahankan kedudukan negara apabila perlu dan sebaik mana mungkin di arena antarabangsa. Sebagai sebuah negara dagang, Malaysia amat bergantung kepada iklim ekonomi global yang stabil lebih-lebih lagi dalam kita mengharungi proses globalisasi yang serba mencabar ini. Keadaan tersebut mengharuskan Malaysia berusaha giat untuk menyediakan environment yang boleh merangsangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di mana barangan kita setanding dengan apa yang ada di pasaran dunia.

ISU-ISU SEMASA

13. Setelah kita menyingkap perkembangan dalam dasar luar Malaysia di bawah empat Perdana Menteri semenjak kemerdekaan, izinkan saya menyentuh beberapa isu antarabangsa semasa yang berpengaruh yang memerlukan Kerajaan agar sentiasa berjaga, bersedia dan berupaya untuk bertindak cepat demi menjamin kemakmuran negara.

ASEAN

14. Walaupun anggota ASEAN tidak sentiasa sehaluan, dan pencerobohan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq merupakan satu contoh yang paling ketara, saya tetap berpendapat bahawa kita tidak boleh membelakangkan ASEAN. Ia harus terus menjadi tunggak kesejahteraan dan kemakmuran rantau ini. Penting supaya ianya juga merupakan tumpuan utama anggota ASEAN yang lain. ASEAN merupakan sebuah pertubuhan serantau yang diiktiraf oleh masyarakat dunia kerana telah berjaya membawa keamanan, kemakmuran serta kemajuan ekonomi yang pesat kepada kesemua anggotanya.

15. Diimbaz kembali, sejarah penubuhan ASEAN berkisar pada satu ketika di mana negara-negara di Asia Tenggara baru sahaja mencapai kemerdekaan. Bebas dari belenggu penjajah buat pertama kalinya, negara-negara tersebut, termasuk Malaysia, kesemuanya dilanda pelbagai masalah dalaman. Pengasas ASEAN berpendapat bahawa selagi keadaan di rantau Asia Tenggara tidak menentu, selagi itulah negara-negara rantau ini tidak dapat menumpukan perhatian untuk membawa pembangunan yang sangat-sangat dihasratkan. Menyedari hakikat tersebut, pengasas ASEAN bertekad untuk memperbetulkan keadaan dengan memberikan keutamaan kepada objektif menjadikan rantau ini sebuah kawasan yang aman, makmur serta bebas dari konflik. Ini dengan sendirinya akan menyediakan suasana yang kondusif untuk membolehkan negara-negara anggota ASEAN memberi perhatian sepenuhnya kepada aspek pembangunan sosial dan ekonomi negara.

16. Semenjak penubuhannya, ASEAN telah berkembang pesat dan berpotensi untuk meraih kejayaan yang lebih lagi dalam bidang politik dan ekonomi. Pandangan jauh pengasas ASEAN yang sepakat dalam hasrat memajukan ekonomi negara-negara anggota melalui kestabilan politik dan penyelesaian masalah secara aman telah terbukti kesahihannya. ASEAN telah berjaya meraih dividen besar – iaitu keamanan dan kestabilan rantau. Tidak terdapat konflik dalam ertikata penggunaan ketenteraan untuk menyelesaikan masalah duahala sesama negara-negara ASEAN ataupun dengan negara-negara jiran yang lain.

17. Kerjasama dalam bidang politik-keselamatan dan strategik; ekonomi dan kewangan serta fungsian telah membuahkan hasil. Namun, masih banyak cabaran yang menanti ASEAN. Tetapi saya percaya dengan komitmen dan kesungguhan untuk terus bersatu, ASEAN akan dapat menangani dan mengatasi cabaran-cabaran ini. ASEAN menerima hakikat bahawa anggotanya terdiri dari pelbagai persefahaman, ideologi juga bangsa serta agama. Walau bagaimana pun, kepelbagaian (diversity) ini dijadikan sumber kekuatannya dan bukan kelemahannya.

18. ASEAN tetap merupakan satu kewujudan yang sangat penting bagi rantau Asia Tenggara. Bagi Malaysia, ASEAN akan sentiasa menjadi tunggak polisi hubungan luar Malaysia dan kita akan terus memainkan peranan yang bermakna di dalam Pertubuhan tersebut. Malaysia percaya bahawa rantau Asia Tenggara yang tidak

sepakat dan berpecah belah akan membawa kesan yang negatif kepada kesemua anggota ASEAN. Kita harus singkir pandangan bahawa sesuatu yang berlaku atau menimpa negara ASEAN yang lain tidak akan membawa kesan kepada negara kita sendiri. Kita hanya perlu melihat keganasan di Bali, wabak SARS dan travel advisory yang negatif oleh negara-negara maju mengenai rantau ini yang kesemuanya mempunyai kesan yang mendalam bukan sahaja ke atas jumlah pelancong keseluruhannya bahkan juga boleh menjejaskan jumlah pelaburan asing.

Globalisasi

19. Seperti negara dunia lain, Malaysia terpaksa berhadapan dengan fenomena globalisasi iaitu dunia tanpa sempadan. Kemajuan teknologi komunikasi dan kemudahan penerbangan telah menjadikan dunia semakin kecil. Sesetengah pihak bertanggung bahawa Malaysia tergolong ke dalam kumpulan yang dianggap menentang globalisasi akibat kedudukan yang diambil oleh Malaysia dalam isu spekulasi matawang dan sikap Malaysia menentang penyangkapan matawang dalam krisis kewangan yang melanda Asia.

20. Namun tanggapan tersebut tidak benar sama sekali. Malaysia menyokong takrif menyalurkan pelaburan dari negara maju ke negara membangun tanpa sekatan. Yang kita khawatiri adalah cubaan membawa globalisasi ke satu tahap yang boleh menghakis kebebasan sesebuah negara berdaulat untuk membuat keputusan sendiri dalam melaksanakan agenda negara. Malaysia inginkan perdagangan saksama dan bukannya kebebasan perdagangan tanpa batas.

21. Sementara kita menerima globalisasi, kita percaya bentuknya masih boleh diperbaiki. Ada kalanya globalisasi, liberalisasi, sistem perdagangan dan pembangunan didalangi dengan berbagai bentuk perlindungan perdagangan (trade protectionism) seperti alam sekitar dan undang-undang buruh. Langkah-langkah unilateral dan pengenaan kuota dan tarif yang bertujuan untuk mengawal pasaran dan membataskan perdagangan bebas telah membawa kesan negatif kepada pasaran. Negara kurang maju dan negara sedang membangun tidak mempunyai daya saing untuk mempromosikan barangan dan kepentingan di pasaran global. Pengutaraan permasalahan mereka di forum antarabangsa pula terjejas oleh kerana sering memperolehi bantuan kewangan atau bergantung sepenuhnya dengan bantuan kewangan negara-negara maju.

22. Di peringkat antarabangsa, Malaysia bersama-sama dengan negara yang sehaluan, terus memperjuangkan kerjasama pembangunan ekonomi antarabangsa. Kita sering menggesa agar dipertingkatkan bantuan kepada negara kurang membangun, penurunan kadar hutang, pemindahan teknologi, pengurangan jurang digital dan kaedah perdagangan yang setara. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk mengurangkan jurang di antara negara kaya dengan negara miskin.

23. Dasar prosper thy neighbour bagi menggalakkan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan negara jiran juga telah diperluaskan penggunaannya kepada sektor swasta. Malaysia akan terus mencari usahasama, kesatuan perdagangan dan

perkongsian pintar (smart partnership) dengan negara lain di peringkat kerajaan dan swasta bagi mengenalpasti peluang-peluang ekonomi demi keuntungan bersama.

24. Malaysia mahukan globalisasi yang lebih adil dan seimbang yang memberi manfaat kepada semua warga dunia, baik negara kaya mahupun negara miskin. Globalisasi tidak sepatutnya menggugat kedaulatan sesebuah negara dalam hak menentukan dasar dalaman masing-masing. Ia harus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi membolehkan negara-negara membangun meningkatkan kedudukan mereka agar mampu bersaing.

25. Oleh itu, amat penting bagi rakyat Malaysia memiliki daya saing yang tinggi, bersedia menghadapi dan menangani segala bentuk cabaran globalisasi. Persediaan ini bukan sahaja sebagai benteng bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi dunia, tetapi juga untuk merebut peluang di pasaran antarabangsa yang akan terbuka dengan lebih luas lagi di masa yang terdekat ini.

Keganasan

26. Peristiwa serangan 11 September ke atas AS telah meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh penduduk dunia. Malaysia menyertai negara-negara lain dalam mengutuk keganasan kerana ia bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Kita tidak menafikan bahawa terdapat banyak ketidakadilan di dunia, dan ini perlu diperbetulkan. Tetapi ia hendaklah diusahakan melalui tindakan yang tidak menjadikan mangsa orang yang tidak bersalah.

27. Dunia harus sensitif dan memberi perhatian kepada ketidakadilan dan penindasan yang berlaku. Keganasan tidak mungkin dihapuskan dengan hanya memburu dan membunuh pengganas. Serangan di Bali, di Riyadh dan di Casablanca baru-baru ini membuktikan bahawa keganasan akan terus menular. Kita telah dari awal-awal lagi melafazkan kebimbangan bahawa kerakusan AS dengan agendanya tersendiri terhadap Iraq akan menyemarakkan lagi sentimen dunia Islam. Selagi ada penindasan dan penaklukan satu-satu kaum oleh kaum dan bangsa lain, akan ada orang yang terdesak dan akan sanggup mengganas. Dunia harus menyelesaikan sebab-sebab mengapa mereka mengganas.

28. Bagi yang ekstrem di dunia Islam, salah satu dorongan utama untuk mengganas adalah sebagai respon kepada tindak tanduk Israel (yang disokong AS) menyerang rakyat Palestin. Selagi sempadan Israel tidak ditentukan dan wilayah Palestin yang dirampas oleh Israel tidak dikembalikan, selagi hasrat Palestin untuk menubuhkan negaranya sendiri tidak kesampaian, keganasan tidak mungkin luput. Kita menerima baik cadangan damai AS baru-baru ini yang lebih dikenali sebagai roadmap memandangkan ianya telah disokong oleh kedua-dua belah pihak. Namun kita masih mengharap agar kepentingan negara-negara jiran terdekat seperti Syria dan Lebanon juga diambil kira dalam usaha mencari penyelesaian yang komprehensif bagi konflik Asia Barat tersebut.

29. Dalam dunia dicengkam keganasan, kita harus bersyukur bahawa Malaysia terus diakui oleh banyak negara dan pihak sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada kesederhanaan ajaran Islam yang sebenar. Imej Islam yang diserang dapat dipulih sedikit dengan kestabilan, keharmonian antara kaum dan penganut agama yang berlainan serta kemajuan yang ketara di Malaysia. Kita dapat membuktikan bahawa Islam dan demokrasi tidak semestinya bercanggah.

Pencerobohan AS dan sekutunya ke atas Iraq

30. Izinkan saya untuk memanjangkan isu keganasan ini dan menyentuh pula perihal pencerobohan AS dan sekutunya terhadap Iraq. Hadirin semua maklum bahawa Malaysia menentang pencerobohan AS tersebut berpandukan prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB. Wajar ditekankan bahawa Malaysia bukan anti-AS. Kita menolak tindakan AS membelakangkan badan dunia itu dalam hal keamanan dan sekuriti antarabangsa. Malaysia berpegang kepada prinsip penyelesaian sebarang pertikaian secara aman dan menentang sebarang tindakan unilateral. Serangan pre-emptive AS telah membuka landasan yang merbahaya dalam hubungan antara negara. Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian kepada beberapa kesan penting berhubung pencerobohan AS tersebut.

Kesan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

31. Pencerobohan ke atas Iraq oleh AS dan sekutunya telah menyebabkan perpecahan antara anggota-anggota masyarakat antarabangsa. Keadaan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap PBB, prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan sistem multilateralism yang selama ini menjadi tunjang hubungan antara negara. Sekiranya berlarutan, perkembangan di atas akan membawa kepada ketidakstabilan sistem antarabangsa, dan ini akan membawa kesan buruk kepada negara-negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada undang-undang antarabangsa sebagai jaminan keselamatan dan kesejahteraan, baik dari segi politik, ketenteraan mahupun ekonomi. Lebih mengecewakan, PBB dikatakan tidak lagi efektif atau relevan kerana kuasa-kuasa besar boleh berbuat apa sahaja.

32. Pentadbiran Bush telah menunjukkan dengan jelas bahawa sikap tidak endah tersebut menjadi salah satu tunggak dasar luarnya. Hakikat ini dibuktikan melalui keengganan kerajaan AS menandatangani Protokol Kyoto Mengenai Perubahan Cuaca, tindak tanduk mereka yang telah melemahkan sistem perlucutan senjata antarabangsa serta usaha mereka untuk melemahkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Kesan terhadap Pergerakan Negara-Negara Berkecuali

33. Amat mendukacitakan, NAM sendiri tidak sepakat dalam isu Iraq. Semasa Sidang Terbuka Majlis Keselamatan (MK) PBB untuk membincangkan situasi tersebut pada 26-27 Mac 2003, negara-negara NAM mengutarakan pendirian yang berbeza.

34. Perpecahan ini dikhuatiri akan menyukarkan lagi ikhtiar Malaysia untuk menjadikan NAM sebagai sebuah Pergerakan yang dihormati di pentas antarabangsa. Dalam usaha menangani perkembangan tersebut, Malaysia sebagai Pengerusi NAM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Luar Troika NAM untuk membincangkan kedudukan dan masa depan Iraq di Paris pada 2-3 Mei 2003 lalu.

Penyekutuan Semula Kekuasaan (Realignment of Power)

35. Tindakan AS dan sekutunya menceroobh Iraq telah ditentang sekeras-kerasnya oleh Perancis serta Jerman, dibantu Rusia dan China. Namun, adalah tidak jelas sama ada perkembangan yang disaksikan merupakan penyekutuan semula kuasa besar ataupun merupakan perpecahan yang bersifat sementara. Ini mungkin akan bergantung kepada tindak tanduk AS dalam konteks post war Iraq.

Kesan terhadap Usaha Menentang Keganasan Antarabangsa

36. Pencerobohan AS dan sekutunya juga telah memberi impak negatif terhadap usaha AS dan masyarakat antarabangsa untuk menentang keganasan antarabangsa. Walaupun pada peringkat kerajaan usaha akan tetap dijalankan seperti biasa, namun kesan negatif akan dirasai pada tahap masyarakat awam, terutamanya di Asia Barat. Sungguhpun demikian, Kerajaan mahukan kerjasama dua hala antara Malaysia dan AS dalam hal ini berjalan seperti biasa.

Kesan Terhadap Sekatan Ke Aras Iraq

37. Penerimaan anggota MK PBB akan Resolusi 1483 bertarikh 22 Mei 2003 yang menggantung kesemua sekatan terhadap Iraq telah sekaligus memberi "kemenangan" bagi AS yang dikatakan telah berjaya dalam usahanya "menyatukan" kembali MK PBB setelah perpecahan sebelumnya. Apa yang kita khuatiri adalah pembatalan sekatan yang bertujuan memberi keuntungan kepada AS kerana hasil penjualan minyak Iraq akan digunakan untuk membiayai pembinaan semula negara tersebut. Walau apa jua bentuk pemerintahan post-war Iraq, AS dijangka akan mendapat 'habuan' (spoils of war) yang besar memandangkan kerajaan baru Iraq akan dipengaruhi oleh AS dan firma-firma AS bersama sekutunya dijangka memonopoli konsesi dalam bidang minyak dan gas.

38. Dalam soal membaik pulih Iraq, Malaysia mahukan PBB diberi peranan utama dan tidak hanya AS dan sekutunya sahaja yang berkuasa mencorak pentadbiran baru di Baghdad. Namun, kita tidak mahu peranan PBB kelak dilihat sebagai mengiktiraf pencerobohan AS ke atas Iraq. Malaysia juga mahukan pembatalan sekatan terhadap Iraq dilakukan berlandaskan prosidur yang sedia ada di MK PBB. Walau bagaimana pun, Malaysia akur dan telah bersedia menerima penggantungan sekatan ke atas Iraq demi ikhtiar membaik pulih serta memberi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Iraq.

Reaksi AS terhadap Malaysia

39. Saya ingin menyatakan bahawa pihak AS sedia maklum akan pendirian Malaysia dalam isu pencerobohannya ke atas Iraq. Sementara AS mengiktiraf hak Malaysia untuk menyuarakan pandangannya, mereka telah memohon bantuan kita untuk mengurangkan retorik tersebut kerana dikhuatiri ia akan menyumbang ke arah sentimen anti-Amerika.

40. AS ada menyatakan hasratnya untuk melihat Malaysia, sebuah negara Islam yang moderate serta pengerusi NAM, memainkan peranan dalam post-war Iraq termasuk di dalam memberi sokongan dalam bentuk anggota tentera kepada sebuah multinational force (bukan di bawah naungan PBB) ataupun menghantar pasukan polis bagi menjaga ketenteraman awam. Malaysia juga dipohon supaya bersedia menahan pemimpin Iraq yang ada di dalam senarai orang yang dikehendaki untuk siasatan lanjut sekiranya mereka berada di Malaysia. AS juga menyatakan bahawa syarikat-syarikat Malaysia tidak disenarai-hitamkan dan boleh membuat tawaran untuk kontrak-kontrak membaik pulih Iraq.

41. Dari segi dagangan pula, walaupun hubungan perdagangan Malaysia-AS memanfaatkan kedua-dua belah pihak, sebarang kerenggangan hubungan akibat isu Iraq akan lebih banyak merugikan Malaysia daripada AS. Namun demikian, AS perlu mengambil kira bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang moderate dan komited untuk menentang keganasan. Kerajaan juga telah menubuhkan South East Asia Regional Center for Counter Terrorism pada 1 Julai 2003 yang akan berkerjasama dengan banyak negara dalam usaha membendung keganasan. Sekiranya AS menghargai faktor ini, Malaysia akan terus dianggap sebagai rakan pentingnya di rantau ini.

42. Malaysia baru sahaja keluar dari belunggu Krisis Kewangan Asia yang melanda pada tahun 1998. Malaysia harus bertindak secara praktikal demi memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara dan mengelak dari diperangkap oleh AS yang mungkin bertindak drastik lantas memusnahkan ekonomi negara yang baru lepas dari krisis kewangan. Respons setiap negara terhadap peperangan di Iraq ini adalah berdasarkan kepentingan negara masing-masing. Malaysia juga mempunyai kedudukan yang sama.

43. Di samping itu, kita juga perlu sensitif dan berusaha untuk tidak menyinggung perasaan negara-negara Arab tertentu walaupun mereka menyokong AS. Kita tidak mahu menimbulkan reaksi yang boleh menjejaskan kehadiran ketua negara atau kerajaan mereka ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada bulan Oktober depan. Sebagai Pengerusi OIC yang akan datang, Malaysia memerlukan sokongan dari negara-negara Teluk khususnya. Oleh yang demikian, Malaysia perlu mengambil jalan tengah serta mengambil pendekatan yang seimbang dalam hubungan kita dengan negara-negara Arab.

Kesimpulan

44. Tatalaku hubungan luar Malaysia setelah hampir setengah abad merdeka jelas menunjukkan kematangan. Malaysia kini dikenali ramai dan dijadikan sebagai contoh bagi negara membangun. Kita tidak memihak kepada mana-mana blok tetapi berbaik-baik dengan semua negara di dunia. Namun sikap bebas serta keyakinan kita menyuarakan pendapat tentu tidak disenangi oleh sesetengah pihak. Media asing kadangkala berpandangan negatif - imej negara diperburukkan, dan pandangan pelabur dan pelancong terhadap Malaysia cuba dipesongkan. Namun, mereka yang berpeluang datang ke Malaysia melihat dengan mata sendiri betapa tidak tepatnya laporan media terhadap kita dan mereka dapat memperbetulkan imej Malaysia di kalangan rakan dan kenalan mereka.

45. Negara-negara yang sedikit masa dulu mencemuh kita kerana kononnya kita tidak demokratik, tidak adil dan sebagainya, hari ini berusaha memperbaiki hubungan mereka dengan kita. Masalah tertentu sudah tidak lagi disebut oleh mereka.

46. Saya telah menggariskan evolusi dasar luar negara serta memanjangkan beberapa isu semasa di arena hal ehwal antarabangsa yang harus diambil kira dan dipertimbangkan oleh Malaysia. Keberkesanan pengaruh Malaysia di arena antarabangsa harus terus kekal dan tidak boleh terpadam. Kita semua bertanggung jawab dan harus memainkan peranan. Sehubungan itu, saya menyeru agar kaum wanita bersama-sama berganding bahu dan memainkan peranan. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana negara tidak boleh maju tanpa sokongan serta komitmen dari kaum wanita. Di dalam dunia yang sentiasa berubah dan serba mencabar ini, Malaysia tidak boleh tersisih atau ketinggalan di belakang.

Terima kasih.

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.